

**GAYA PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN DUA  
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BUKIT GAMBIR DALAM MATA  
PELAJARAN KEMAHIRAN HIDUP**

Zainudin Bin Abu Bakar & Md. Saharudin Bin Kasri  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia

**ABSTRAK :** Kajian ini mengkaji gaya pembelajaran di kalangan pelajar tingkatan dua Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Gambir, Muar. Kajian ini melibatkan seramai 186 orang responden yang terdiri daripada 107 orang lelaki dan 79 orang perempuan. Kajian ini berbentuk deskriptif dan menggunakan instrumen soal selidik dengan skala empat mata bagi mengukur empat kategori gaya pembelajaran. Empat kategori gaya pembelajaran adalah berasaskan Honey dan Mumford (1983) iaitu gaya pembelajaran aktivis, reflektif, teoris dan pragmatif. Data kajian ini dikumpul dan dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 16.0 bagi mendapatkan nilai skor min, kekerapan dan tabulasi silang. Nilai pekali Alpha Cronbach untuk kajian ini adalah 0.703. Dapatan kajian mendapati gaya pembelajaran reflektif (min 2.97) adalah gaya pembelajaran yang dominan diamalkan oleh responden kajian. Gaya pembelajaran yang kedua adalah aktivis (min 2.90), diikuti ketiga ialah gaya pembelajaran pragmatis (min 2.89) dan keempat gaya pembelajaran teoris (min 2.75). Dapatan ini menunjukkan kepelbagaian gaya pembelajaran dan tahap kemahiran belajar memberi kesan yang berbeza terhadap tabiat dan kesungguhan pembelajaran akademik pelajar. Dikemukakan juga cadangan kajian untuk meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

**ABSTRACT :** The study examines form two students' learning styles at Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Gambir, Muar. 186 of form two students at Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Gambir, Muar involved in the study. The respondents comprises of 107 male and 79 female students. The study uses a set of questionnaire measuring students' different learning styles using four point scales. The four categories of learning styles by Honey and Mumford (1983) are activist, reflector, theorist, and pragmatist. The data is collected and analyzed using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 16.0 to get the value of mean, frequencies and cross tabulation. The Cronbach Alpha coefficient for the instrument is 0.703. The result showed that the students' learning styles were mainly of reflector with mean score 2.97, second was activist (mean 2.90), third was pragmatist (mean 2.89) and fourth was theorist (mean 2.75). The different learning styles adopted by students have directly influenced students' orientations and approaches to learning. Several recommendations are also given in enhancing the teaching and learning effectiveness.

Katakunci : *Honey dan Mumford, Statistical Package for Social Sciences (SPSS), gaya pembelajaran aktivis, reflektif, teoris, pragmatif*

## **PENGENALAN**

Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan mata pelajaran Kemahiran Hidup dari peringkat pendidikan rendah ke peringkat sekolah menengah. Mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) merupakan mata pelajaran pravokasional yang bertujuan untuk melengkapkan pelajar-pelajar dengan kemahiran kemahiran asas secara teori dan juga praktikal yang diperlukan

untuk mengendalikan kehidupan seharian dengan penuh sistematik. Mata pelajaran ini diperkenalkan pada tahun 1989. Mata pelajaran ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu Teras dan Pilihan. Bahagian Teras mengandungi satu bidang pembelajaran iaitu Reka Bentuk dan Teknologi. Manakala Bahagian Pilihan mempunyai empat bidang pembelajaran iaitu Kemahiran Teknikal, Ekonomi Rumah Tangga, Pertanian dan Perdagangan dan Keusahawanan. Murid mengambil semua bidang pembelajaran dalam Bahagian Teras dan salah satu daripada empat bidang pembelajaran dalam Bahagian Pilihan. Mata pelajaran ini dirancang sedemikian rupa untuk mencapai matlamat ke arah mempertingkatkan produktiviti negara melalui penglibatan masyarakat secara kreatif, inovatif dan produktif (Huraian Sukatan Pelajaran KHB Tingkatan 1, 2003).

Bagi memantapkan kurikulum mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu, Kementerian Pelajaran Malaysia telah melakukan perubahan dari segi kandungan pada tahun 2002. Kandungannya disusun semula, dengan hasrat mengukuhkan kesinambungan untuk membentuk sebuah masyarakat yang berorientasikan teknologi selaras dengan hasrat negara dan perkembangan industri elektronik yang pesat berkembang di negara ini. Secara tidak langsung akan menimbulkan kesedaran kepada murid-murid agar peka terhadap perkembangan dan perubahan teknologi dengan harapan untuk melahirkan masyarakat yang cenderung dengan perkembangan baru berasaskan kepada sains dan teknologi.

Dalam konteks pembelajaran, setiap pelajar mempunyai gaya yang tersendiri mengikut kesesuaian mata pelajaran yang diambil. Adalah sangat penting seseorang guru dapat mengenalpasti gaya pembelajaran seseorang pelajar itu agar mereka dapat menggunakan gaya pembelajaran itu ke arah penyesuaian kaedah dan teknik mengajar yang lebih berkesan. Jika gaya pembelajaran seseorang pelajar itu bersesuaian dengan jurusan yang diambil maka kesan positif akan muncul terhadap pencapaian akademik mereka. Pencapaian akademik pelajar akan dapat ditingkatkan apabila program, sumber dan kaedah disesuaikan dengan sifat strategi belajar.

Memandangkan gaya pembelajaran dapat mempengaruhi pencapaian akademik pelajar dalam peperiksaan, maka pemilihan gaya pembelajaran yang baik dan berkesan serta sesuai dengan diri sendiri merupakan satu perkara penting yang perlu dilakukan oleh seseorang pelajar itu.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Justeru permasalahan mengenalpasti gaya pembelajaran menjadi sangat penting dalam proses pendidikan. Kajian perlu dijalankan bagi mengenalpasti gaya pembelajaran pelajar supaya dapat dikenalpasti. Perbezaan dalam tiap-tiap gaya tersebut dan juga kesannya kepada pembelajaran pelajar.

Gaya pembelajaran yang diamalkan oleh setiap individu adalah berbeza di antara satu sama lain. Seseorang pelajar mula membentuk gaya pembelajaran sejak awal kanak-kanak. Selepas itu, dia akan terus menggunakan gaya pembelajaran tersebut. Oleh yang demikian kajian ini perlu dibuat untuk mengenalpasti gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar tingkatan dua Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Gambir sama ada gaya pembelajaran aktivis, reflektif, teoritis atau pun pragmatik.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk meninjau dan mengenalpasti gaya pembelajaran yang menjadi amalan oleh pelajar-pelajar dalam pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup. Kajian yang dibuat ini adalah bertujuan untuk :

1. Mengenalpasti tahap gaya pembelajaran aktivis pelajar tingkatan dua di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Gambir dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup.
2. Mengenalpasti tahap gaya pembelajaran aktivis pelajar tingkatan dua di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Gambir dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup.
3. Mengenalpasti tahap gaya pembelajaran aktivis pelajar tingkatan dua di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Gambir dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup.
4. Mengenalpasti tahap gaya pembelajaran aktivis pelajar tingkatan dua di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Gambir dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup.

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

Hasil yang diperolehi daripada kajian adalah penting untuk memberikan gambaran yang lebih jelas tentang gaya pembelajaran setiap pelajar tingkatan dua Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Gambir kepada pelbagai pihak yang terlibat secara langsung dalam bidang pendidikan iaitu:

1. Pelajar dapat mengenalpasti gaya belajar masing-masing dan faham gaya pembelajaran yang mereka amalkan. Pelajar perlu menggunakan gaya pembelajaran yang sesuai dengan diri mereka.
2. Guru dapat mempelbagaikan teknik, pendekatan pengajaran, bahan dan aktiviti mengikut aras aspirasi murid dan memantapkan lagi kaedah pengajaran mereka dan memenuhi kriteria yang diperlukan oleh pelajar agar sesuai dengan strategi belajar pelajar. Guru perlu menggunakan pelbagai kaedah bagi memastikan pelajar dapat memahami apa yang hendak disampaikan.
3. Pihak sekolah dapat mentadbir sekolah dengan baik agar aktiviti kurikulum berjalan dengan lancar serta dapat menjalankan program-program dalaman yang dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran.
4. Menjadi bahan rujukan kepada pihak Jabatan Pelajaran Negeri, Pusat Perkembangan Kurikulum dan seterusnya Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha merancang dan menggubal kurikulum mata pelajaran Kemahiran Hidup khususnya dan sistem pendidikan secara umumnya yang mana bertepatan dengan gaya pembelajaran pelajar.

## **BATASAN KAJIAN**

Di dalam kajian ini terdapat beberapa batasan kajian iaitu :

1. Hanya membuat kajian di sebuah sekolah sahaja iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Gambir, Muar, Johor, kajian ini tidak boleh mendiagnosis kawasan yang lebih luas.
2. Responden terdiri daripada pelajar Kemahiran Hidup Tingkatan Dua sahaja, tidak boleh digunakan untuk pelajar lain secara menyeluruh.
3. Dalam kajian ini penyelidik menggunakan gaya pembelajaran Honey dan Mumford dengan sedikit pengubahsuaian. Penyelidik menggunakan model ini kerana lebih menfokuskan kepada proses amali dalam pengajaran pembelajaran serta melihat satu-satu proses tingkah laku dalam sudut yang pelbagai.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Rekabentuk kajian adalah kaedah bagi membolehkan maklumat diperolehi untuk menjawab masalah kajian yang dibina dan merupakan keseluruhan rangkakerja penyelidikan bagi menjawab dan mencapai objektif kajian. Rekabentuk kajian ini adalah berbentuk deskriptif di mana tinjauan dibuat bagi mendapatkan maklumat. Penyelidikan deskriptif merupakan suatu jenis penyelidikan yang bertujuan untuk menerangkan fenomena yang sedang berlaku (Mohd Majid Konting, 1994). Reka bentuk ini dapat menunjukkan pola pada satu-satu peringkat masyarakat. Kajian yang dijalankan berasaskan kajian tinjauan gaya belajar pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Gambir, Muar dengan menggunakan soal selidik sebagai alat pengumpulan data.

## **PERSAMPELAN**

Kaedah persampelan yang digunakan ialah sampel rawak kelompok iaitu sampel dipilih berdasarkan rumpunan populasi. Melalui kaedah ini, responden dipilih secara rawak daripada setiap kelas tingkatan dua. Responden yang dipilih secara rawak kelompok merupakan pelajar yang belajar di tingkatan yang sama iaitu tingkatan dua tahun 2009. Sampel ini terdiri daripada pelbagai kaum iaitu Melayu, Cina dan India. Rumus yang digunakan oleh bahagian penyelidikan 'National Education Association' seperti yang dilaporkan oleh Krejcie dan Morgan (1970) telah digunakan untuk menentukan saiz sampel kajian.

Penyelidik memilih jumlah responden mengikut komponen pilihan yang diambil iaitu Perdagangan dan Keusahawanan, Kemahiran Teknikal, Ekonomi Rumah Tangga dan Pertanian. Persampelan yang digunakan ialah persampelan rawak berkelompok.

## **INSTRUMEN KAJIAN**

Kajian ini menggunakan soal selidik untuk mendapat maklumat dan data yang diperlukan. Maklumat tentang pembolehubah kajian ini dikutip dalam keadaan semulajadi pada masa kejadian.. Soal selidik tersebut mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A, maklumat diri responden dan bahagian B, tentang gaya pembelajaran. Soal selidik mudah ditadbir dan ringkas bagi tujuan mengawal keutuhan maklumat yang diberi oleh sampel. Soal selidik juga akan membantu dan memudahkan sampel menjawab dengan cepat dan tepat. Dengan tugas yang mudah, sampel akan lebih bertanggungjawab dan memberikan kerjasama. Data yang dikumpul dan hasil kajian ini dapat memberi maklumat untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Responden dikehendaki memilih respon yang sesuai dengan membulatkan (O) angka yang sesuai dengan pilihan bagi setiap soalan. Instrumen terdiri dari 40 soalan. Set soal selidik kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A, dan Bahagian B. Bahagian A mengandungi item-item yang berkaitan dengan latar belakang responden seperti kursus, jantina dan bangsa. Responden perlu mengisi maklumat yang dikehendaki pada ruang yang disediakan. Bahagian B mengandungi 40 item berpandukan skala empat mata. Item untuk gaya pembelajaran adalah dipilih dari instrumen item gaya pembelajaran Model Honey dan Mumford dan item-item dalam soal selidik diubahsuai dari instrumen kajian terdahulu mengikut kesesuaian. Responden perlu

memberi pilihan terhadap pernyataan yang diberi dengan membulatkan nombor yang disediakan mengikut pilihan diri yang sesuai.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Analisis Gaya Pembelajaran Aktivis**

Bahagian ini adalah untuk menjawab persoalan kajian satu iaitu, “Apakah tahap gaya pembelajaran aktivis pelajar tingkatan dua di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Gambir dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup?”

Berdasarkan kajian, didapati responden telah memilih item yang ketujuh sebagai peratusan paling tinggi, iaitu dalam kelas-kelas yang lalu, saya biasanya dapat mengenali semua rakan kelas dimana telah mencatat peratusan tertinggi iaitu 56.5% atau 105 orang mengatakan selalu, 32.8% atau 61 orang pelajar mengatakan kadang-kadang, 7.5% jarang-jarang dan 3.2% atau 6 orang pelajar mengatakan tidak pernah. Min bagi item ketujuh ini ialah 3.42. Min item ini berada pada tahap tinggi.

### **Analisis Gaya Pembelajaran Reflektif**

Bahagian ini adalah untuk menjawab persoalan kajian kedua iaitu, “Apakah tahap gaya pembelajaran reflektif pelajar tingkatan dua di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Gambir dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup?”

Berdasarkan kajian, didapati responden telah memilih item yang ketujuh belas sebagai peratusan mengatakan selalu paling tinggi, iaitu saya lebih suka guru menunjukkan kaedah yang betul untuk menggunakan peralatan tangan sebelum saya menggunakannya dimana telah mencatat peratusan tertinggi iaitu 57.5% atau 107 orang pelajar mengatakan selalu, 24.2% atau 45 orang pelajar mengatakan kadangkadang, 11.8% atau 22 orang pelajar mengatakan jarang-jarang dan 6.5% atau 12 orang pelajar mengatakan tidak pernah. Min bagi item ketujuh belas ini ialah 3.33. Min untuk item ini berada pada tahap tinggi.

### **Analisis Gaya Pembelajaran Teoris**

Bahagian ini adalah untuk menjawab persoalan kajian ketiga iaitu, “Apakah tahap gaya pembelajaran teoritis pelajar tingkatan dua di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Gambir dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup?”

Berdasarkan kajian, didapati responden telah memilih item yang kedua puluh enam sebagai peratusan tertinggi, iaitu saya lebih mudah belajar bersama mereka yang berfikiran secara logik dan teliti dimana telah mencatat 47.3% atau 88 orang mengatakan selalu, 31.2% atau 58 orang pelajar mengatakan kadang-kadang, 17.2% jarang-jarang dan 4.3% atau 8 orang pelajar mengatakan tidak pernah. Min bagi item kedua puluh enam ini ialah 3.22. Min untuk item ini berada pada tahap tinggi.

### **Analisis Gaya Pembelajaran Pragmatis**

Bahagian ini adalah untuk menjawab persoalan kajian keempat iaitu, “Apakah tahap gaya pembelajaran pragmatis pelajar tingkatan dua di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Gambir dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup?”

Berdasarkan kajian, didapati responden telah memilih item yang keempat puluh sebagai peratusan selalu mengamalkannya paling tinggi, iaitu saya lakukan apa sahaja yang wajar untuk menyiapkan kerja kursus dimana telah mencatat peratusan tertinggi iaitu 46.2% atau 86 orang pelajar mengatakan selalu, 31.2% atau 58 orang pelajar mengatakan kadang-kadang, 15.6% atau 29 orang pelajar mengatakan jarang-jarang dan 7% atau 13 orang pelajar mengatakan tidak pernah. Min bagi item keempat puluh ini ialah 3.17. Min untuk item ini berada pada tahap tinggi.

## **PERBINCANGAN**

Melalui hasil analisis bahagian A soal selidik, latar belakang responden dapat dikenalpasti. Responden kajian ini terdiri daripada pelajar tingkatan dua di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Gambir, Muar. Taburan responden adalah kurang seimbang dari segi jantina kerana pelajar lelaki melebihi pelajar perempuan seramai 28 orang. Majoriti responden adalah terdiri daripada melayu dan beragama Islam, diikuti dengan pelajar Cina yang beragama Buddha dan akhir sekali pelajar India yang beragama Hindu. Dari segi komponen pilihan yang diambil, taburan responden adalah seimbang kerana penyelidik memilih bilangan responden mengikut komponen pilihan. Di sekolah ini ditawarkan keempat-empat komponen pilihan iaitu Perdagangan dan Keusahawanan, Kemahiran Teknikal, Ekonomi Rumah Tangga dan juga Pertanian. Apa yang menarik disini, terdapat 13 orang pelajar perempuan yang mengambil komponen pilihan Kemahiran Teknikal. Perkara ini jarang-jarang berlaku kerana kebiasaannya hanya pelajar lelaki sahaja yang mengambil komponen pilihan Kemahiran Teknikal. Dari segi pencapaian pelajar pula dalam subjek Kemahiran Hidup, majoriti pelajar-pelajar di sekolah ini memperolehi B atau C, atau lebih tepat lagi tahap pencapaian pelajar di sekolah ini bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup berada pada tahap sederhana.

Menurut Honey dan Mumford (1992), gaya pembelajaran didefinisikan sebagai penerangan ke atas sikap dan tingkah laku individu yang mengamalkannya. Honey dan Mumford (1983) membahagikan gaya pembelajaran kepada empat kumpulan iaitu aktivis, reflektif, teoritis dan pragmatis.

Maklum balas daripada pelajar dalam soal selidik yang dikemukakan dapat dikenalpasti melalui dapatan kajian yang dinyatakan dalam bab IV. Berikut merupakan huraian dan perbincangan bagi setiap persoalan kajian berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi.

“Apakah tahap gaya pembelajaran aktivis pelajar tingkatan dua di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Gambir dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup?”

Menurut Honey dan Mumford (1992), pelopor kepada gaya pembelajaran ini menyatakan pelajar-pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran aktivis melibatkan sepenuhnya dalam mencari pengalaman baru. Hal ini bersesuaian dengan pernyataan “Saya berminat menghadapi cabaran yang melibatkan sesuatu yang baru dan berlainan”. Mereka berfikir terbuka dan berusaha menimbulkan semangat ke atas diri sendiri apabila berhadapan dengan pengalaman pembelajaran baru. Individu ini biasanya bertindak dahulu sebelum mempertimbangkan kesannya. Mereka juga bercenderung menyelesaikan masalah secara sumbang saran. Hasil kajian Honey dan Mumford (1992) mendapati bahawa golongan aktivis adalah golongan yang kreatif dan dapat mewujudkan idea serta jalan penyelesaian yang menarik dalam situasi-situasi

pengajaran dan pembelajaran yang ditimbulkan oleh guru. Mereka berminat kepada pengalaman baru yang mencabar tetapi mudah bosan dengan peraturan-peraturan yang terperinci. Mereka dikategorikan sebagai individu yang berminat kepada pengalaman dan 'obses' terhadap kaedah berpasukan. Golongan pelajar ini tidak memerlukan dorongan daripada orang lain ataupun menunggu seseorang yang akan memberi dorongan kepadanya. Mereka lebih selesa untuk mengambil tindakan atas inisiatif sendiri. Mereka adalah seorang yang peramah dan suka melibatkan diri dengan masyarakat tetapi aktiviti yang dilakukan sering menumpukan kepada persekitaran dirinya sendiri.

Menurut Honey dan Mumford (1992), pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran reflektif ini lebih gemar menganalisis sesuatu pengalaman daripada pelbagai sudut pandangan. Mereka akan berfikir dan mempertimbangkan sesuatu secara mendalam sebelum tindakan dan kesimpulan diambil. Pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran reflektif juga membuat keputusan atau tindakan secara berhati-hati dan teliti. Hal ini bersesuaian dengan pernyataan "Saya gemar mengumpul maklumat dengan banyak supaya dapat membuat pilihan yang tepat". Ini menunjukkan golongan pelajar seperti ini amat teliti dan lebih gemar memerhati sebelum memutuskan sesuatu tindakan. Keadaan ini sesuai dengan falsafah pelajar jenis ini iaitu berhati-hati dalam tindakannya. Mereka biasanya memberi keutamaan dalam mengumpul dan menganalisis maklumat maka keputusan yang dibuat akan memakan masa yang agak lama.

Selain itu, pelajar yang mengamalkan gaya pembelajaran reflektif juga lebih suka menjauhkan diri dari mesyuarat dan perbincangan serta berminat memerhati tingkah laku manusia. Oleh itu, guru hendaklah mengelakkan pengajaran secara berkumpulan dan perbincangan. Biasanya pelajar jenis ini lebih suka pengajaran yang berbentuk demonstrasi dan tunjuk cara kerana mereka lebih gemar memerhati tingkah laku. Pelajar juga akan menggunakan pemikiran kritis dan penaklukan ketika menyelesaikan sesuatu masalah.

Menurut Honey dan Mumford (1992) lagi, pelajar jenis ini juga suka menyatakan pendapat atau pandangan berasaskan prinsip dan teori. Mereka akan menaakul masalah langkah demi langkah, kemudian menganalisis dan mensintesis maklumat yang didapati. Hal ini bersesuaian dengan pernyataan 'Saya menyelesaikan masalah dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup menggunakan pendekatan langkah demi langkah'. Pelajar ini suka membuat kesimpulan selepas mendapat bukti dan menggunakan pemikiran yang logik.

Selain itu, pelajar ini cenderung kepada sikap analitik dan mengutamakan ketetapan diri serta bersifat global dan subjektif. Pelajar ini akan mencari sebab dan akibat terjadinya sesuatu peristiwa. Cara pemikiran pelajar teoris sama seperti saintis. Pelajar dengan gaya pembelajaran ini adalah pelajar yang suka berdikari.

## **RUJUKAN**

- Atan Long (1988). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.  
Atan Long (1980). *Fikiran-Fikiran Tentang Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Azizi Bin Hj. Yahaya. (1992). *Aspirasi Pekerjaan dan Masalah Akademik di Kalangan Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Vokasional Pertanian Rembau N.Sembilan*. Thesis Sarjana yang Tidak di Terbitkan. UKM.
- Baharuddin Aris (1999). *The Use Of Information Technology In Education: Using An Interactive Multimedia Courseware Package To Upgrade Teachers Knowledge And Change Their Attitude*. Robert Gordon University: Tesis P.h.D
- Braio (1995). *Effects Of Incrementally Introducing Learning Style Strategies On Special Education & Low Achieving General Education Intermediate Students Structural Analysis & Attitude Test Scores*. Universiti St John : Tesis Ph.D.
- Sharifah Maimunah Syed Zin, Rohani Abd. Hamid (2001). *Belajar Cara Belajar*. Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Dunn, R. dan Dunn, K. (1978). *Teaching Students Through Their Individual Learning Styles: A Practical Approach*. Reston, Virginia: Reston Publishing.
- Dunn, R. S., Dunn, K. J., dan Price, G. E. (1979). *Identifying individual learning styles*. Dlm. *Keefe J.W. (Ed). Student learning style: Diagnosing and prescribing Programs*. hlm. 39-54. Reston, VA: National Association of Secondary School Principals.
- Felder, R.M. (1996). *Matters Of Style*. ASEE Prism, 6 (4), 18-23.
- Freiberg, H.J., dan Driscoll, A. (1996). *Universal Teaching Strategies (2nd Ed.)*. Boston: Allyn And Bacon.
- Giam Kah How (2000). *Gaya Pembelajaran Dan Penggunaan Multimedia Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran*. Jabatan Sains dan Matematik MPSK
- Godleski, E.S. (1984). *Learning Style Compatibility of Engineering Students and Faculty*. Proceedings Annual Frontiers In Education Conference, ASEE/IEEE, Philadelphia, 362
- Hamdan et. al. (2001). *Gaya Pembelajaran Siswa-Siswi Di Universiti Teknologi Malaysia Merentasi Fakulti*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Honey, P. dan Mumford, (1983). *Using Your Learning Style*. Maidenhead Peter Honey.
- Krejcie, R. V. dan D. W. Morgan. (1970). *Determining sample size for research activities*. *Educational and Psychological Measurement*. 30(3): 607-610.
- Lawrence, M.V.M (1997). *Secondary School Teachers And Learning Style Preference: Action Or Watching In The Classroom*. Educational Psychology ½
- Masni Khamis. (2001). *Gaya Pembelajaran Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik*. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mardevan a/l Marimuthu. (1991). *Kajian Keberkesanan Kursus Dalam Perkhidmatan Untuk Guru-Guru Mata Pelajaran Kemahiran Hidup*. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.